

05 OCT 1997

MIC-Mahathir

MIC BERDIRI TEGUH DI BELAKANG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- MIC hari ini menyatakan sokongan tidak berbelah-baginya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara.

Parti itu dijangka meluluskan satu resolusi menyokong kepimpinan Dr Mahathir di mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) di sini Selasa ini, kata jurucakap MIC.

Mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu, yang dijangka pulang ke tanah air esok bersama delegasi Dr Mahathir daripada lawatan selama 12 hari ke negara-negara Amerika Selatan.

Awal hari ini, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik juga berikrar berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam menangani krisis ekonomi negara.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, juga membidas media asing yang cuba memburuk-burukkan nama baik Dr Mahathir sehinggakan mencadang supaya perdana menteri meletakkan jawatan berikutan masalah mata wang yang melanda negara.

"Saya sungguh-sungguh geram...mereka tidak sepatutnya berbuat demikian," katanya kepada pemberita di Kota Kinabalu.

Semalam, naib ketua pergerakan Pemuda UMNO Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Pemuda berdiri teguh di belakang Dr Mahathir dan mempunyai penuh keyakinan terhadap beliau dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara sejak Julai.

Hishammuddin, yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama juga menyelar media antarabangsa termasuk TIME International dan Newsweek kerana menyarankan supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan dan cuba mempengaruhi iklim politik negara dengan memburuk-burukkan kepimpinan Dr Mahathir.

--BERNAMA

ES oba